

15/10/2002

Paya Indah Wetlands pusat ekopelancongan

KAWASAN riadah Paya Indah Wetlands yang menyambut ulang tahun pertama Ahad lalu bakal menjadi destinasi pelancongan tanah lembap terkemuka negara.

Kawasan taman seluas kira-kira 3,100 hektar itu kini juga dilengkapi tram elektrik sumbangan Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi membolehkan pengunjung menikmati keindahan kawasan itu menggunakan sistem pengangkutan yang mesra alam sekitar.

E-Tram itu adalah hasil kajian TNB dan adalah kenderaan yang tidak mengeluarkan gas beracun serta mesra alam.

Kenderaan yang boleh membawa 30 orang penumpang itu akan digunakan sebagai antara kaedah pengangkutan bagi pengunjung meninjau keindahan taman itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menerima sumbangan tram berkenaan Ahad lalu, turut menerima sepasang burung Manchuria sumbangan Republik Rakyat China.

Taman yang dimajukan sebagai pusat ekopelancongan dengan infrastruktur minimum bagi mengawal keseimbangan ekosistem, kini menjadi rumah kepada 210 spesies burung, 35 spesies mamalia, 19 spesies ikan dan lebih 220 jenis tumbuhan air.

Anggaran kos untuk membangunkan Paya Indah Wetlands apabila ia dikemukakan pada awal 1997 ialah RM280 juta. Bagaimanapun disebabkan kegawatan ekonomi, anggaran kos pembangunannya dikurangkan kepada RM160 juta dengan tumpuan diberikan kepada komponen utama saja.

Kerajaan turut memberi pinjaman berjumlah RM33.4 juta untuk membiaya projek berkenan.

Keadaan di kawasan itu lebih nyaman berikutan kejayaan menanam pokok sekali gus menjadikannya sesuai untuk aktiviti riadah keluarga.